

5 negeri catat permintaan lebih air

Putrajaya: Lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor serta Melaka mencatatkan permintaan terhadap air melebihi bekalan sumber air sedia akibat cuaca terlampau panas dan kurang hujan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata data itu adalah hasil Kajian Semula Sumber Air Negara (2000-2050) yang dilakukan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bagi mengenal pasti pengurangan kedapatan sumber air di Malaysia.

Tegas beliau, kerajaan mengambil berat mengenai masalah itu dan melaksanakan pelbagai langkah untuk mengatasinya termasuk meningkatkan keberkesanan pengurusan air serta menggubal Dasar Air Negara, yang dijangka dibentangkan tahun ini.

Peruntuk RM49.5 juta

“Sebanyak RM49.5 juta peruntukan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi melaksanakan Program Pembangunan Sistem Keseimbangan Air untuk Pengurusan Sumber Air Negara (Fasa I) di negeri yang mengalami lebih permintaan sumber air.

“Selain itu, timbalan saya (Datuk Hamim Samuri) kini dalam siri jelajah ke negeri bagi memberi taklimat mengenai penggubalan Dasar Air Negara. #

“Sumber air berada di bawah kuasa kerajaan negeri, namun kita perlu ada ‘template’ untuk negeri bagi pengurusan sumber air,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Air Sedunia 2016 Peringkat Kebangsaan, di sini semalam.